

# KIT PERJALANAN

# MySejahtera



KEMENTERIAN  
KESIHATAN MALAYSIA

## Isi Kandungan

MySejahtera .....	3
Bagaimanakah MySejahtera Diguna Untuk Pelancong & Pengembara? .....	4
Keperluan Kesihatan Bagi Pengembara Apabila Memasuki Malaysia .....	5
Sebelum Ketibaan ke Malaysia .....	6
Tiba di Malaysia .....	7
Penggunaan Mysejahtera Sepanjang 14 Hari Kuarantin.....	8
Masalah Yang Sering Berlaku .....	9
Hubungi Kami .....	10



## MySejahtera

MySejahtera merupakan satu aplikasi yang dicipta oleh Kerajaan Malaysia untuk membantu usaha-usaha pengawasan penularan wabak COVID-19 dalam Malaysia. Aplikasi ini adalah diurus oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), yang berperanan sebagai pentadbir aplikasi, dengan bantuan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Peranan aplikasi MySejahtera adalah termasuk:

- i) **Membolehkan pengguna melaksanakan penilaian kesihatan terhadap ahli keluarga yang tidak mempunyai akses kepada telefon pintar;**
- ii) **Memberi panduan kepada pengguna mengenai tindakan yang perlu dilaksanakan sekiranya mereka diklasifikasikan sebagai individu berisiko terhadap jangkitan COVID-19;**
- iii) **Memberi tips kesihatan dan maklumat terkini berkenaan COVID-19;**
- iv) **Membolehkan pengguna mengetahui lokasi “hot-spot” COVID-19 melalui fungsi *Hotspot Tracker*;**
- v) **Membolehkan pengguna mendapatkan nasihat kesihatan secara atas talian melalui *virtual*;**
- vi) **Menyediakan fungsi **MySejahtera Check-In** bagi membantu dalam proses pendaftaran kemasukan pelawat secara berstruktur dan seragam di premis dan pejabat;**
- vii) **Menyediakan fungsi **Kod QR MySejahtera** sebagai “*Digital Health Passport*” apabila keluar rumah, ke tempat kerja atau ke tempat awam; dan**
- viii) **Rujukan pantas untuk mendapatkan Garis Panduan (SOP) Pembukaan Semula Sektor Ekonomi.**

Pada dasarnya, maklumat yang dikemukakan akan digunakan untuk membantu pihak KKM dalam merancang dan melaksanakan tindakan yang sewajarnya. Oleh itu, pengguna perlu bersikap jujur semasa menghantar maklumat agar pihak KKM dapat melaksanakan tindakan dengan berkesan, sekali gus memutuskan rantaian jangkitan COVID-19. Kerajaan memberi jaminan bahawa maklumat peribadi pengguna hanya akan digunakan bagi tujuan pemantauan dan pencegahan wabak COVID-19 sahaja. Data peribadi dilindungi di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Maklumat peribadi pengguna tidak akan dikongsi atau diberikan kepada mana-mana pihak yang lain.

# Bagaimakah MySejahtera Diguna Untuk Pelancong & Pengembara?

MySejahtera Traveler adalah fungsi tambahan baru yang dibina khususnya untuk pengembara (warganegara dan bukan warganegara) yang akan balik atau melawat Malaysia. Ini adalah berdasarkan peraturan baru kerajaan Malaysia untuk memastikan wabak COVID19 terkawal di Malaysia dengan pembukaan sempadan. Antara kegunaan fungsi ini adalah:

1. Memastikan pengembara melengkapkan borang deklarasi kesihatan sebelum memasuki Malaysia.
2. Check In di pintu masuk antarabangsa (Arrival Check In) menggunakan pengimbas Kod QR MySejahtera.
3. Pemberian "Home Surveillance Order" secara digital ke profil pengguna menggunakan ID MySejahtera.
4. Melakukan penilaian kendiri setiap hari untuk tempoh masa pengawasan (14 hari).
5. Peringatan untuk melakukan pemeriksaan makmal pada hari ke 13.
6. Peringatan untuk melawat Pejabat Kesihatan Daerah yang ditetapkan untuk menamatkan tempoh pengawasan (HSO).
7. Setelah tamat tempoh pengawasan pada hari ke 14, penggunaan HSO akan dibatalkan.





# SEMUA PENGEMBARA DIKEHENDAKI MENGEWKAKAN **KEPUTUSAN UJIAN PCR COVID-19** KETIKA TIBA DI **PINTU MASUK ANTARABANGSA MALAYSIA**

1



Ujian PCR COVID-19 perlu dijalankan dalam **tempoh tiga (3) hari** sebelum ketibaan di Malaysia dan **dikemukakan kepada pihak kesihatan** di pintu masuk

2


Keputusan ujian yang **negatif** mestilah daripada **makmal yang diiktiraf** atau **laporan** yang dikeluarkan oleh **pengamal perubatan yang berdaftar**

3


Keputusan ujian mestilah ditulis dalam **Bahasa Inggeris** atau **Bahasa Malaysia**



# SEBELUM KETIBAAN KE MALAYSIA



# TIBA DI MALAYSIA



Sila masukkan butiran berikut:  
Please fill in the following details:

**Nama/Name\***: Siti Aminah

No. Kad Pengenalan/IC Number  
No. Kad Pengenalan/IC Number

No. Pasport/Passport No\*  
No. Pasport/Passport No

E-mel/Email\*  
viv300@yopmail.com

Warganegara/Nationality\*  
Malaysian

Daerah/District\*: Bachok

Negeri/State\*: Kelantan


Nama waris/Name of contact in Malaysia\*  
Farah Aminah

No tel waris/Contact phone number in Malaysia\*  
[REDACTED]

Dengan ini, saya mengakui bahawa butiran yang diisi adalah betul dan tepat.\*  
I hereby acknowledge that the information given in this form is correct and accurate.

Setuju/Agree

**Hantar/Submit**



1. Imbas kod QR di ketibaan lapangan terbang/pelabuhan laut/pusat pemeriksaan menggunakan "MySejahtera" pengimbas kod QR.


2. Lengkapkan borang yang dipamerkan.

3. Tekan butang "Hantar/Submit" apabila selesai.

4. Setelah dihantar, ia akan menunjukkan bukti penyerahan.

5. Buka halaman "Profil" di MySejahtera, ia akan menunjukkan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian(HSO) anda.

# PENGGUNAAN MYSEJAHTERA SEPANJANG 14 HARI KUARANTIN



**COVID-19**  
#KitaTeguhKitaMenang



# MySejahtera

## MASALAH YANG DIKENAL PASTI

- 1 Paparan check-in beku di halaman check-in
- 2 Tidak dapat menjalankan penilaian lokasi?
- 3 Tiada SIM kad atau nombor telefon yang aktif
- 4 Tiada akses internet
- 5 Di mana saya boleh kemaskini status risiko COVID-19?

Kemungkinan penggunaan kamera untuk MySejahtera tidak diberi kebenaran di tetapan telefon pintar. Sila pergi ke tetapan dan beri kebenaran  
Jika masih bermasalah, sila **uninstall** dan **install** semula

Kemungkinan kebenaran akses lokasi untuk MySejahtera tidak diberi kebenaran di tetapan telefon pintar. Sila pergi ke tetapan dan beri kebenaran  
Jika masih bermasalah, sila **uninstall** dan **install** semula

Gunakan emel untuk mendaftar, kerana OTP di perlukan bagi pendaftaran melalui nombor telefon

Gunakan akses WiFi awam / lapangan terbang

Pergi ke menu utama, pilih Kemaskini Status Risiko COVID-19



Kementerian Kesihatan Malaysia



**f**  
**t**  
**y**  
**u**  
**o**

MYHEALTHKKM



SCAN ME

9

## Hubungi Kami

Sekiranya anda menghadapi masalah teknikal, sila maklumkan kepada kami di:

Emel: [80008000@mygcc.gov.my](mailto:80008000@mygcc.gov.my)

Laman web: <https://mysejahtera.malaysia.gov.my/>

